

PM: BN pilih calon terbaik di Indera Kayangan

UM 7 JAN 2002

Oleh ISMAIL DAUD

KUALA LUMPUR 6 Jan. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Barisan Nasional (BN) telah memilih calon yang terbaik untuk pengundi-pengundi dalam pilihan raya kecil Indera Kayangan pada 19 Januari ini.

Perdana Menteri berkata, pemilihan Oui Ah Lan dibuat dengan teliti dan beliau dipilih kerana diyakini sebagai calon yang terbaik untuk mewakili pengundi di kawasan itu.

Beliau yang juga Pengerusi BN berkata, BN tidak mahu mengambil tahu tentang calon parti pembangkang, sebaliknya

akan berusaha memastikan calon BN mencapai kejayaan.

"Kita dah pilih calon dan saya anggap itu yang terbaik," katanya ketika ditemui selepas menghadiri majlis hari raya bekas Speaker Dewan Negara, Tan Sri Abang Ahmad Urai Abang Mohideen di sini hari ini.

Semalam, Pengerusi BN Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim mengumumkan Oui sebagai calon BN daripada empat tokoh yang disenaraikan sebagai layak menjadi calon BN di Indera Kayangan.

Oui, 59, seorang bekas guru merupakan Ketua

Wanita MCA Perlis, Ketua MCA bahagian Arau dan ahli Jawatankuasa Kerja Pusat MCA.

Hari penamaan calon pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Indera Kayangan akan diadakan pada 10 Januari dan pengundian pada 19 Januari.

Sementara itu, ketika ditanya mengenai UMNO di Sarawak, Perdana Menteri sekali lagi menegaskan, UMNO tidak ada cadangan untuk membawa parti itu ke Sarawak.

Katanya, walaupun isu mengenai perkara itu timbul dari semasa ke semasa terutama semasa pilihan raya tetapi ia bukan alasan untuk membawa UMNO ke Sarawak.

Sebaliknya tegas beliau, orang Sarawak boleh menyertai UMNO jika mereka tinggal di Semenanjung, tidak ada kaitan dengan parti di Sarawak dan tidak menjadi pengundi di negeri itu.

"Bila tak ada cawangan PBB (Parti Pesaka Bumi-putera Bersatu) di sini, dia masuk UMNO lah," katanya.

Bagaimanapun, katanya Dr. Mahathir, jumlah orang Sarawak yang menjadi ahli UMNO tidak ramai.

Abang Ahmad Urai adalah antara orang Sarawak yang menjadi ahli UMNO.